



**TEKNOLOGI MAKLUMAT &  
KOMUNIKASI**  
**INFORMATION TECHNOLOGY &  
COMMUNICATION**

# TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

## INFORMATION TECHNOLOGY & COMMUNICATION

### Pengenalan

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) ialah pusat sokongan akademik dan pentadbiran bagi membantu pelaksanaan kedua-dua fungsi tersebut dalam pengurusan UniMAP. Sehingga akhir tahun 2006, kakitangan Pusat ICT telah mencecah 26 orang yang mempunyai kemahiran dari pelbagai bidang dan latar belakang. Pusat ICT diketuai oleh En. Nasrudin Abd. Shukor sebagai Pengarah Pusat ICT, dan diikuti oleh 13 orang kakitangan gred 41, 4 orang kakitangan gred 29, 7 orang kakitangan gred 17 dan seorang kakitangan gred 1.

### Sistem Paparan Konvokesyen

Tanggal 22 Julai 2007 ialah tarikh keramat bagi seluruh warga UniMAP terutamanya bagi para pelajar sulung UniMAP. Pada tarikh tersebut telah berlangsung Majlis Konvokesyen UniMAP Yang Pertama dan 107 graduan ijazah sarjana muda dan 4 graduan ijazah sarjana telah berjaya dianugerahi ijazah dengan penuh jayanya.

Bagi persiapan majlis konvokesyen tersebut, satu sistem paparan konvokesyen dalam bentuk visual telah digunakan. Sistem ini berfungsi sebagai paparan visual yang ditayangkan dalam dewan konvokesyen dan visual tersebut mengandungi butir-butir berkenaan siswazah yang akan menerima ijazah. Sebaik sahaja nama siswazah diumumkan untuk menerima ijazah, sistem tersebut akan memaparkan gambar (live & statik) berserta butir-butir siswazah tersebut dan begitulah seterusnya mengikut susunan nama penerima ijazah.

Bagi menjayakan sistem tersebut, Pusat ICT telah bekerjasama dengan Unit Multimedia untuk mempersiapkan perkakasan dan perisian. Sebagai usaha menjamin kelancaran aliran konvokesyen juga, pihak Pusat ICT telah mengadakan lawatan ke Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi melihat dan mengkaji situasi sebenar yang berlaku semasa berlangsungnya sesi konvokesyen serta masalah-masalah yang mungkin berlaku. Perkongsian maklumat antara kedua-dua buah universiti adalah amat menggalakkan dan amat berharga bagi persediaan konvokesyen pertama UniMAP ini.

### Mesyuarat ICT IPTA Ke-15

Pengaruh Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pengurusan organisasi yang berbentuk institusi pengajian tinggi awam adalah besar dan amat penting, lebih ketara lagi dalam era permintaan dan penggunaan aplikasi-aplikasi atas talian (online) yang amat tinggi dan diperlukan bagi memenuhi kehendak warga universiti sebagai pengguna atau pelanggan perkhidmatan ICT. Secara amnya, bahagian ICT bertindak sebagai bahagian yang berkonsepkan penyediaan perkhidmatan dan bertanggungjawab dalam menyediakan infrastruktur, pembangunan sistem dan khidmat pakar runding kepada pengguna-pengguna dalaman bagi

### Introduction

The Centre for Information & Communication Technology (ICT) is an academic and administration support centre. Until end of 2006, the staff of the Centre had reached 26 skilled personnels from various fields and backgrounds. The Centre is led by Mr. Nasrudin Abd. Shukor, and followed by 13 Grade 41 staff, 4 Grade 29 staff, 7 Grade 17 staff and 1 Grade 1 staff.

### Convocation Display System

On July 22<sup>nd</sup>, 2006, the first UniMAP Convocation Ceremony was held. Four postgraduate students and 111 undergraduate students were successfully bestowed with the degree scrolls.

In preparation for the Convocation ceremony, a visual form of Convocation Display System was utilised. The system functioned as a visual display that was screened in the convocation hall. The visuals contained all the details about the graduate receiving the scroll. As soon as the name of the graduate who was to receive the scroll was announced, the system would screen live and static footage together with the details of the graduate accordingly.

In making the system successful, the ICT Centre had worked hand in hand with the Multimedia Unit in the preparation that included both hardware and software. As an effort to make sure the flow of the convocation proceeding went smoothly, the ICT Centre had made several visits to Universiti Sains Malaysia and Universiti Utara Malaysia to observe the actual situation taking place during a convocation session, and the problems that could be anticipated. The sharing of information between the universities was very encouraging and valuable in the preparation of the first UniMAP convocation.

### The 15<sup>th</sup> ICT IPTA Meeting

The influence of ICT in the management of an organisation such as a public higher learning institution is huge and significant. It is more so in an era where demand and usage of online applications are very high and much needed to fulfill the needs of the university community. The ICT centre of any organisation is responsible for preparing infrastructure, system development and consultation services to internal users of the organisation.

The ICT IPTA meeting is a discussion platform where members of the meeting consist of delegates from the ICT centres of public higher learning institutions in Malaysia. The meeting is held several times a year to discuss current issues. Representatives have something in common with each other in the aspects of

# TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

## INFORMATION TECHNOLOGY & COMMUNICATION

sesebuah organisasi.

Mesyuarat ICT IPTA ialah platform perbincangan bagi anggota mesyuaratnya yang terdiri daripada wakil-wakil seluruh bahagian ICT institusi pengajian tinggi awam Malaysia. Mesyuarat ini diadakan beberapa kali dalam setahun bagi membincangkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh setiap bahagian, yang rata-rata mempunyai persamaan daripada segi dasar, prosedur, permasalahan dan kekangan dalam usaha menyempurnakan dan menyampaikan perkhidmatan pengoperasian kepada pelanggan.

Pada 6 Mac 2006, Mesyuarat ICT IPTA bagi kali yang ke-15 telah diadakan di negeri Perlis, dan UniMAP telah diberi penghargaan untuk menjadi tuan rumah dan mengendalikan persediaan bagi mesyuarat tersebut. Sungguhpun UniMAP pada ketika itu masih dikenali sebagai kolej universiti yang muda dan belum pun melahirkan graduan sulungnya, tetapi berdasarkan kepercayaan terhadap kredibiliti ICT yang dilaksanakan di UniMAP, anggota mesyuarat ICT IPTA telah bersepakat dan memberikan kepercayaan kepada UniMAP bagi menjalankan sesi mesyuarat yang ke-15 tersebut di utara tanah air.

Mesyuarat ICT IPTA Ke-15 pada kali ini telah berlangsung di Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis dan dihadiri oleh tujuh belas (17) wakil bahagian ICT dari seluruh IPTA.

### Lawatan

Mulai lewat tahun 2004, Pusat ICT telah memulakan langkah bagi memetakan pengiktirafan nama UniMAP dalam bidang ICT dengan menyertai pertandingan Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (APTM) 2004, diikuti pula dengan APTM 2005 pada tahun berikutnya serta Ekspo IPTA R&D 2005. Ekoran daripada itu, organisasi-organisasi awam mula menunjukkan minat bagi mengadakan sesi lawatan ke premis Pusat ICT UniMAP bagi tujuan perkongsian maklumat dan kemahiran.

Bagi setiap sesi lawatan yang diadakan, secara amnya terdapat tiga (3) aktiviti utama yang dijalankan. Aktiviti pertama ialah sesi pengenalan yang mengandungi taklimat ringkas berkaitan tujuan lawatan yang disampaikan oleh staf Pusat ICT. Aktiviti kedua dan ketiga dijalankan serentak yang mengandungi penerangan berkenaan struktur sistem di dalam Data Centre sekaligus dan penerangan tentang struktur rangkaian dalaman UniMAP.

Sepanjang tahun 2006, terdapat empat (4) organisasi awam yang telah melawat ke Pusat ICT UniMAP iaitu UNIMAS, Pusat Komputer Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Sekolah Menengah Aminuddin Baki

Diharapkan dengan lawatan yang diadakan, kedua-dua pihak dapat menjalinkan hubungan kerja yang baik pada masa hadapan di samping dapat berkongsi pengalaman dan pandangan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan ICT dalam organisasi-organisasi kerajaan.

policies, procedures, problems and constraints when conveying operational services to the customers.

On March 6<sup>th</sup> 2006, the 15<sup>th</sup> ICT IPTA Meeting was conducted in Perlis, and UniMAP (then still known as KUKUM) was given the honour to be the host and to prepare for the meeting. Eventhough UniMAP at the time was still known as a green horn university and had not had its first graduate, based on the trust of the ICT credibility implemented in UniMAP, the members of ICT IPTA meeting had agreed to entrust UniMAP to play host. The meeting took place at Hotel Putra Brasmana, Kuala Perlis and was attended by seventeen (17) delegates of ICT section from IPTA nationwide. Mr. Nasrudin Abd. Shukor was the delegate for UniMAP.

### Visitations

As early as 2004, the ICT Centre had taken steps in the accreditation of UniMAP in the ICT field by taking part in the Information Technology Prime Award (APTM) 2004, followed by APTM 2005 the next year, and also in the IPTA R&D Expo 2005. It is from these participations that public organisations started to show interest in this University. Many visits to UniMAP then followed suit.

For every visit, there would typically be three (3) main activities carried out. The first activity is the introduction session where a short briefing regarding the purpose of the visit is given by a staff member of the ICT Centre. The second and third activities are simultaneously carried out, whereby explanation about the workings of the system structure inside the Data Centre and explanation about the internal chain of structure are given.

Throughout the year 2006, four (4) public organisations visited the University ICT Centre -- UNIMAS, the State Government of Pulau Pinang Computer Centre, the Public Services Department and Aminuddin Baki Secondary School.

Hopefully with the visits that had been made, both sides could develop a good working relationship in the future, besides the sharing of experience and points of views in the establishment of ICT system management within the organisation.

# TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

## INFORMATION TECHNOLOGY & COMMUNICATION

### Hari Bersama Pelanggan

Pusat ICT bertindak sebagai bahagian yang menyokong penggunaan ICT dalam menjalankan fungsi pentadbiran dan akademik bagi UniMAP. Dalam erti kata lain, Pusat ICT menawarkan dan menyediakan perkhidmatan berbentuk aplikasi sistem, penyediaan rangkaian serta prasarana bagi tujuan pembelajaran dan pengajaran kepada pengguna dalam UniMAP.

Hari Bersama Pelanggan ialah pendekatan yang digunakan untuk membolehkan dan memberi peluang kepada pengguna (staf dan pelajar) untuk berkomunikasi dengan staf Pusat ICT secara bersemuka. Dengan menggunakan pendekatan tersebut, pengguna dapat menyuarakan pandangan dan menerima penjelasan berkaitan dengan perkhidmatan dan pengoperasian yang ditawarkan oleh Pusat ICT.

Hari Bersama Pelanggan ini menggabungkan kerjasama dan penglibatan daripada tiga (3) jabatan yang diketuai oleh Jabatan Pembangunan, Pusat ICT dan Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerja (UKKP).

Diharapkan dengan usaha yang prihatin ini, produktiviti dan kualiti perkhidmatan setiap jabatan yang terlibat dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa selaras dengan pembentukan sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa.

### Customers Day

The ICT Centre acts as a support section for the usage of ICT in carrying out administration and academic functions for UniMAP. In other words, the Centre provides services in the form of system application, networks, and infrastructure for the purpose of learning and teaching.

Customers Day enables users (staff and students) to communicate with the staff of the ICT Centre face to face. Hence, users can voice their views and receive explanations regarding the services and operations offered by the Centre.

During the 2006 Customers Day, three (3) University departments took part - the Development Department, ICT Centre, and the Occupational Health & Safety Unit.

It is hoped that with this keen effort, the productivity and quality of service of the departments involved could be duly increased.

